


<p style="text-align: center;">HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Helaian Pendedahan Produk (“HPP”) ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Bil Masuk untuk Pungutan-i (IBC-i) bersama Hong Leong Islamic Bank. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank.</p> <p>Sila dapatkan penjelasan daripada Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umum.</p>	<div style="text-align: right;">  </div> <p style="text-align: center;">Bil Masuk untuk Pungutan-i (IBC-i)</p> <p style="text-align: right;">Jun 2022</p>
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?</p>	
<p>Bil Masuk untuk Pungutan-i (IBC-i) adalah perkhidmatan perdagangan yang disediakan oleh Bank, yang bertindak sebagai Bank Pemungut/Bank Penyerah untuk pengendalian dan pemakluman kepada pelanggan (pembeli/ pesuruh bayar) setelah menerima dokumen perkapalan daripada pembekal (penyuruh bayar). Bank menyediakan perkhidmatan perantara bagi memudahkan penjelasan perdagangan mengikut terma yang telah dipersetujui antara pelanggan dengan pembekal.</p> <p>Pengendalian dokumen perkapalan oleh Bank Pemungut/Bank Penyerah adalah berdasarkan arahan yang diterima daripada Bank Pungutan untuk tujuan memperolehi bayaran atau penerimaan atau berdasarkan terma dan syarat tertentu yang telah ditetapkan mengikut arahan pungutan Bank Pungutan.</p> <p>Dokumen untuk pungutan ini tertakluk kepada peraturan terbaharu Uniform Rules for Collections, International Chamber of Commerce Publication No. 522.</p>	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p>	
<p><u>IBC-i adalah berasaskan konsep <i>Wakalah bil Ujrah</i></u>. Bank akan mengenakan yuran di bawah prinsip <i>Ujrah</i> atas servis yang diberikan di bawah IBC-i. Melalui konsep ini, Bank bertindak sebagai ejen bagi prinsipal/pesuruh bayar yang merupakan pembeli/pengimport dan sebagai Bank Pemungut mempunyai tanggungjawab untuk melakukan pemeriksaan terhadap arahan pungutan dan dokumen yang diterima dari Bank Pungutan.</p> <p>Bank perlu memastikan, diantaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Semua dokumen yang berkenaan disediakan dalam arahan pungutan. • Tempoh bagi arahan pungutan mestilah konsisten dengan Bil Pertukaran (jika ada) • Mod penyelesaian mesti ditunjukkan • Dokumen-dokumen IBC-i (termasuk arahan pungutan) akan diperiksa berdasarkan URC semasa. 	
<p>3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?</p>	
<p>a) Bayaran hanya dibuat selepas pelepasan/penerimaan dokumen perkapalan, untuk memberikan lebih fleksibiliti.</p> <p>b) Kaedah pembayaran ini lebih mudah dan murah dibandingkan dengan perkhidmatan perdagangan yang lain.</p>	
<p>4. Apakah tanggungjawab saya?</p>	
<p>a) Anda perlu membayar atau menerima Bil Pertukaran sebelum dokumen dilepaskan oleh Bank.</p> <p>b) Anda perlu membayar pada tarikh matang Bil Pertukaran yang mana penerimaan telah dibuat awal.</p> <p>c) Anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank untuk bayaran komisen serta semua caj biasa dan caj Ajen Bank, jika ada. Selain itu, anda membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan akaun anda di Bank dengan jumlah wang yang perlu dibayar atau jumlah wang yang bertanggung oleh Bank di bawah perkhidmatan IBC-i.</p>	

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen IBC-i

- **Komisen IBC-i untuk bil yang didenominasi dalam mata wang asing**
0.10% atas amaun bil, tertakluk kepada amaun minimum RM 50.00 dan maksimum RM150.00
- **Komisen IBC-i untuk bil yang didenominasi dalam RM**
0.10% atas amaun bil, tertakluk kepada amaun minimum RM 50.00 dan maksimum RM500.00

Kos SWIFT

- RM30.00

Kos RENTAS

- Pelanggan SME - RM 5.00
- Pelanggan Bukan SME - RM 14.00 (Pihak pertama); RM 15.00 (Bank ke Bank)

Kos Inter-Bank Giro (IBG)

- RM 2.00 setiap IBG

Bayaran Pos

- RM 5.00 pada kadar sama rata

Nota:

- *Semua bayaran, komisen, caj-caj dan wang lain yang kena dibayar adalah tidak termasuk dan tertakluk kepada apa-apa Cukai Kerajaan.*
- *Untuk lain-lain bayaran dan caj-caj yang berkaitan dengan IBC-i, anda boleh merujuk kepada Fi Dan Caj yang berkenaan pada laman sesawang bank di <https://www.hlisb.com.my>*

6. Apakah masa terakhir untuk melihat IBC-i?

Pengeluaran IBC-i	2 petang
Pembayaran IBC-i (RENTAS)	12 petang
Pembayaran IBC-i (Bukan-RENTAS) (Pembayaran mata wang asing tertakluk kepada masa terakhir untuk setiap mata wang. Sila rujuk kepada Pusat Perkhidmatan Perdagangan untuk maklumat lanjut tentang masa terakhir bagi setiap mata wang)	2 petang

7. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- a) Jika dokumen tidak dipungut oleh anda, kami akan mengembalikannya kepada bank penyerah dalam masa 60 hari dari tarikh diterima atau menurut permintaan bank tersebut untuk mengembalikan dokumen mereka, yang mana terdahulu.
- b) Untuk *avalisation* di mana ia telah diluluskan oleh pihak Bank, pihak bank berhak untuk memulakan tindakan undang-undang dan merampas aset anda yang dibiayai bank sekiranya anda gagal untuk membuat pembayaran pada masa yang ditentukan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, sila hubungi kami di +603-76268899 atau kunjungi mana- mana cawangan/ pusat perniagaan kami di seluruh negara.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial & SME Banking
Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Telefon : +603-7661 7777
E-mel : sme@hlbb.hongleong.com.my
Laman Sesawang : www.hlisb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan daripada pihak-pihak dibawah:

Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP), yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama antara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS atau SME) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC
Alamat : Pegawai Penasihat KNP dimana-mana cawangan diseluruh negara.
Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/branches/?lang=my>.
No Telefon : 03- 7880 0088
E-Mel : myknp@cgc.com.my
Laman : <https://imsme.com.my/portal/myknp-cgc-bm>
Sesawang

- **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturan pembiayaan, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga PKS atau SME. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Alamat : Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, WilayahPersekutuan
Telefon No : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh hubungi kami di:

Customer Advocacy
Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
Telefon : 03-76268801/03-76268802/03-76268812
E-mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK
Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Sesawang : www.ofs.com.my

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Hong Leong IBC-i, sila kunjungi mana-mana pusat perniagaan kami di seluruh negara atau anda boleh melayari laman sesawang kami di www.hlisb.com.my atau laman sesawang www.bankinginfo.com.my

11. Perkhidmatan Perdagangan Perniagaan-i yang juga ditawarkan

- Surat Kredit-i
- Resit Amanah-i
- Bil Boleh Terima-i Belian
- Bil Boleh Terima-i Jualan
- Jaminan Bank-i
- Jaminan Penghantaran-i
- Pembiayaan Invois-i
- Perkhidmatan Pungutan-i

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada ____ / ____ / ____ .